

09 AUG 1998

Mahathir-Kekecohan

DR MAHATHIR SIFATKAN PENYEBAR KHABAR ANGIN SEBAGAI BACUL

LANGKAWI, 9 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan mereka yang menyebarkan khabar angin kononnya berlaku kekecohan di beberapa tempat di ibu negara semalam sebagai pengkhianat dan bacul.

"Kita nak cari orang ini tapi semuanya sembunyi. Bacullah. Kalau berani keluar cakap terang-terang," katanya.

Rakyat seharusnya tidak mengambil berat langsung tentang khabar angin itu, katanya pada persidangan akhbar selepas melawat Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi Malaysia (LISRAM), di sini.

Beliau mengulas khabar angin kononnya berlaku kekecohan di beberapa kawasan di Kuala Lumpur khususnya di Chow Kit dan Puchong.

"Tak ada apa pun (yang berlaku). Cuma pengkhianat nak timbulkan hura-hara dengan niat yang tidak baik," katanya.

Khabar angin itu dikatakan disebar oleh pihak tertentu melalui Internet dan sehingga menimbulkan kebimbangan di kalangan orang ramai dan ada di antara mereka yang membeli stok makanan berlebihan sebagai langkah berjaga-jaga.

Dr Mahathir berkata rakyat tidak perlu bimbang kerana negara ini mempunyai cukup pegawai keselamatan untuk menjaga ketenteraman awam.

"Lagipun rakyat Malaysia bukan jenis orang yang nak berperang atau merusuh sesama sendiri," katanya.

Beliau berharap akhbar dapat memainkan peranan dalam membanteras masalah khabar angin.

"Rakyat sepatutnya memeriksa khabar angin itu dengan polis atau surat khabar," katanya ketika mengulas tindakan yang rakyat patut buat apabila mendengar khabar angin di masa depan.

Khabar angin itu disebar kononnya pekerja Indonesia mengumpul senjata untuk membuat kekacauan berikutan tindakan kerajaan tidak memperbaharui permit kerja mereka yang berakhir 15 Ogos ini.

-- BERNAMA

JM+NH WAT